

DASAR ISLAM DALAM MENGHADAPI SOAL-SOAL HIDUP

Perhidupkanlah Cita-cita Islam!

Telah diakui oleh ahli-ahli tawarikh yang jujur dan adil, bahawa pertumbuhan kebudayaan Barat adalah berpuncakan kepada jasa-jasa yang telah diberikan oleh Islam selama lebih kurang enam kurun, iaitu dari kurun yang kedelapan hingga hingga yang ke empat belas masihi. Di antara ahli-ahli sejarah yang adil yang telah mengakui hakikat ini adalah Lord Hedley dalam bukunya “Tiga Nabi di Dunia” yang madmunnya seperti berikut:

“Kemajuan yang sekarang kita telah peroleh, adalah sebahagian besarnya berpunca kepada hasil dan jasa-jasa yang diberikan oleh Islam melalui kebudayaannya di Sepanyol, Sicily dan Timur Dekat.”

Bagi menjelaskan setakat hasil yang diberikan oleh Islam kepada dunia, eloklah kita menyiasat punca-punca yang menjadi penggalak kemajuan yang telah dicapai itu. Tawarikh telah mencatat akan peristiwa perubahan besar yang telah terjadi di tanah Arab. Dalam tempoh yang tidak lama di Semenanjung Arab yang gelap gelita itu telah berubah menjadi terang benderang, dan dapat memberikan cahayanya pula kepada dunia. Jiwa yang tadinya mati, tidak mempunyai sesuatu yang boleh dibanggakan untuk kemajuan, sekarang telah mendapat sinar baru dengan kehidupan baru yang berisi dan berguna.

Dalam masa pergolakan yang seperti sekarang ini, pergolakan yang menyebabkan timbul atau tenggelamnya cahaya-cahaya kemasyarakatan dari sesuatu ummat, sudah selayaknyalah kita meninjau dan menentukan di mana tempat kita berdiri dan di mana tempat kita berpegang. Lupa

tempat berpijak dan lalai akan tempat kita berpegang akibatnya kita akan kecewa.

Cubalah lihat dalam sejarah Islam, tercatat bagaimana beratnya tanggungjawab seseorang ketua pemerintahan yang mengisytiharkan Islam menjadi agama rasminya. Periksalah bagaimana adilnya dan bagaimana serba-serbinya dijalankan menurut hukum dan menjauhi larangan Islam. Setelah itu bandingkan pula dengan bentuk pemerintahan negara kita yang telah berikrar bahawa Islam ialah agama rasminya?

Kita sekarang sedang berada dalam masa peralihan. Dalam masa yang demikian hebat dan serba serbi masih kucar kacir, kita ummat Islam mestilah menyusun rancangan untuk menghadapi zaman baru yang dibawa oleh zaman peralihan ini. Rancangan Islam yang telah sedia diatur oleh Allah *'Azza wa Jalla* dan diamalkan oleh rasul-Nya.

Ummat Islam yang penuh hatinya dengan iman, adalah menyelesaikan kekacauan berbagai-bagai faham dan ideologi mempunyai sepenuh-penuh yakin bahawa dasar Islamlah yang sangat-sangat bersesuaian dengan tabiat semula jadi manusia dan menjadi ubat mujarab bagi mengubati dan yang sedang mengancam ketenteraman dunia hari ini.

Hakikat ini telah diakui oleh bijak pandai yang bukan Islam. George Bernard Shaw pernah menulis. “Alangkah besarnya hajat dunia dewasa ini kepada seseorang penganjur seperti Nabi Muhammad untuk menyelesaikan kekusutan dan kesulitan-kesulitan yang sedang dihadapi oleh dunia hari ini!”

Kalau setengah orang kita di negeri ini memandang Islam tidak dapat dijalankan atau tidak sesuai untuk masyarakat kita yang terdiri dari berbagai-bagai kaum yang berlain-lain agama, maka rakyat dan penganjur-penganjur Islam adalah sebaliknya. Mereka yakin bahawa lambat sangat akan tiba masanya untuk menjalankan dasar Islam yang telah diisytiharkan menjadi agama rasmi tanah air kita.

Mereka percaya dan yakin bahawa akhirnya Islam akan berjaya sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah ‘*Azza wa Jalla* di dalam kitab suci-Nya *al-Quran al-Karīm*.

Perhidupkan Cita-cita Islam

Tiap-tiap ummat yang ingin maju, mestilah mempunyai cita-cita. Dalam pada itu mestilah pula berusaha sehingga cita-cita itu zahir ke alam kenyataan. Al-Quran telah memberikan jiwa yang bercita-cita, semangat yang berkobar-kobar dan panduan yang berhikmah.

Selemah-lemah ummat akan menjadi kuat iman dan azamnya, dan berkobar-kobar semangat perjuangannya bila mendengar firman Allah ‘*Azza wa Jalla* yang bermaksud:

“Kami dikehendaki untuk member nikmat (limpah kurnia) kepada mereka yang ditindas di muka bumi, lalu Kami jadikan mereka ikutan dan menerima pusaka kekuasaan. Kemudian Kami perteguhkan kedudukan mereka di muka bumi.” (6 – 5 al-Qaṣaṣ)

Apa lagi setelah mendengar firman Allah yang maksudnya: “Jangan kamu merasa lemah dan merasa dukacita; kamu ialah orang yang lebih tinggi dan lebih mulia, jika betul-betul kamu beriman.” (139, Āli ‘Imrān).

Demikianlah pokok ajaran Islam menghadapi sesuatu pelaksanaan dari suatu cita-cita; tidak gentar, tidak putus asa, tidak duka sedih, dan

tidak pernah menyerah. Pekerjaan yang sesulit-sulitnya diselesaikan dengan penuh iman di dada, tabah dan percaya bahawa pekerjaan itu – *bi ḥaww Allāh* – akan berjaya.

Kemuliaan Ummat Islam Wajiblah Dipertahankan

Ummat Islam wajiblah mempertahankan taraf dan kehormatannya. Sejarah dan perkembangan kemajuannya mestilah dipelihara baik-baik sehingga betul-betul merupakan suatu ummat sebagaimana yang disifatkan oleh Allah ‘*Azza wa Jalla* di dalam al-Quran al-Karīm, yang maksudnya:

“Adakah kamu sebaik-baik ummat yang telah zahir dalam masyarakat manusia: Kamu menyuruh dengan perkara-perkara yang baik dan melarang akan perkara-perkara yang jahat serta beriman kamu kepada Allah” (110, Āli ‘Imrān).

Dalam firman-Nya lagi, yang bermaksud: “Hanyalah Allah yang mempunyai kemuliaan dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman”. (8, al-Munāfiqūn).

Demikianlah perasaan harga diri yang dipunyai oleh seseorang Muslim dan sesuatu bangsa yang telah memeluk Islam.

Tanah Air Menurut Islam

Menurut Islam yang disebut “tanah air” itu, yang seyogianya dicintai ialah tanah air Islam, dari yang berhad sempadan sampai kepada yang seluas-luasnya. Islam mewasiatkan supaya kita berjuang untuk mempertahankannya. Menurut ketentuan Islam tanah air itu ialah:

- 1). Mula-mula sekali ialah daerah Islam yang tertentu.
- 2). Kemudian meliputi seluruh daerah Islam yang lain-lain. Semua daerah-daerah Islam itu ialah negeri

(sambungannya pada muka 18)

4. Pendapat yang mengatakan bahawa ahli neraka itu

dikeluarkan dari neraka dan kekalah api dengan halnya dengan tidak ada seorang pun yang diazab di dalamnya. Ibn Taimiyah berkata: Ini ialah sebahagian dari pendapat segolongan orang.

5. Pendapat yang mengatakan bahawa neraka itu fana' dengan sendirinya, kerana ia adalah baharu.

6. Pendapat yang mengatakan bahawa kehidupan dan gerak mereka dalam neraka itu fana', lalu mereka menjadi benda yang beku, tidak bergerak-gerak, dan tidak merasa kepedihan. Ini ialah pendapat Abi al-Huzail al-'Allāf, salah seorang ketua kaum Mu'tazilah.

7. Pendapat yang mengatakan bahawa: Allah itu memfanakan neraka, kerana Allah-lah Tuhannya, Penciptanya dan Pemeliharanya.

Dan Allah menjadikan bagi neraka itu hinggaaan yang Dia berakhir pada had yang telah ditentukan itu, kemudian fana' dan hilanglah azab neraka itu. Kata Ibn Taimiyah : Pendapat ini, dinaqalkan dari segolongan sahabat dan tābi'īn. Ibn Taimiyah dan muridnya Ibn Qayyim, cenderung kepada pendapat ini.

Syurga itu letaknya di atas langit yang ke tujuh yang anaknya ialah 'arash al-Rahman, dan neraka itu di bumi yang ketujuh.

Setengah orang berkata: Neraka itu di atas langit juga sebagaimana halnya syurga. Ini berdasarkan hadith Khuzaifah dari Nabi (S.A.W), bahawa Baginda bersabda, maksudnya: "Didatangi aku beserta burāq, maka sentiasalah kami atas belakangnya, aku dan Jibril, sehingga aku sampai ke Bayt al-Maqdis lalu dibuka pintu langit, maka aku pun melihat syurga dan neraka".

Walhasil, setengah ulama mengatakan bahawa, syurga dan neraka itu letaknya pada satu dataran.

(sambungan dari muka15)

dan tanah air bagi seseorang Muslim.

Demikianlah Islam telah menyesuaikan di antara perasaan kebangsaan yang terhad dengan perasaan kebangsaan yang am dan yang luas, iaitu untuk kebajikan peri kemanusiaan seluruhnya, sebagaimana firman-Nya (ertinya):

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu berasal dari lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa supaya berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang terlebih mulia di antara kami pada sisi Allah ialah orang yang terlebih taqwa (taat menurut perintah-Nya dan menjauhan larangan-Nya)”. 13, surah al-Hujurat.

Kitab-kita Mengenai Sembahyang

- | | |
|--|--------|
| 1. Ibadah Rasulullah S.A.W | \$3.00 |
| tambah belanja post 20 sen. | |
| 2. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar) | \$1.20 |
| 3. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar) | |
| Mengenai: Imam, Ma`mum, Masbuq | |
| dan lain-lainnya. | |
| 4. Mari Sembahyang (buat lelaki) | \$1.20 |
| 5. “ “ (buat perempuan) | \$1.20 |

Dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah tambah belanja post 10 sen tiap-tiap naskah.

Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari. Pesan kepada:

QALAM
356/8, Geylang Road,
Singapore 14.